

13/07/2004

Bina rumah berkualiti mampu dibeli rakyat: Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pemaju perumahan mengkaji semula falsafah perumahan dengan matlamat membina rumah berkualiti untuk kehidupan berkualiti pada harga yang mampu dimiliki rakyat.

Perdana Menteri berkata, pemaju juga perlu meningkatkan pemikiran dalam merancang, mereka bentuk dan membangunkan kawasan perumahan serta bandar.

"Tatkala Malaysia semakin maju dan rakyat semakin berada serta arif, kehidupan berkualiti harus menjadi objektif penting sesebuah bandar atau kawasan perumahan," katanya berucap pada majlis makan malam anjuran Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (Rehda) sebagai penghormatan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, malam tadi.

Hadir sama pada majlis itu ialah Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, Presiden Rehda, Datuk Jeffrey Ng Tiong Lip dan bekas Presiden Rehda, Datuk Eddy Chen Lok Loi.

Pada majlis itu, Abdullah turut melancarkan Institut Rehda.

Abdullah berkata, konsep kehidupan berkualiti bermakna pemaju perumahan dan perbandaran perlu berusaha menyediakan kemudahan yang mencukupi dan peluang ekonomi kepada pembeli rumah untuk hidup selesa.

"Perhatian juga perlu diberikan kepada keperluan perumahan golongan istimewa seperti orang kurang upaya, ibu tunggal dan kumpulan berpendapatan rendah. Ini termasuk kemudahan pengangkutan, sekolah dan hospital," katanya.

Menyentuh jasa Dr Mahathir kepada industri hartanah, Abdullah berkata, adalah wajar bekas Perdana Menteri itu mendapat penghormatan istimewa kerana usaha gigih beliau menjadikan Malaysia sebuah negara yang moden dan progresif.

Sementara itu, Dr Mahathir, dalam ucapannya, mengucapkan terima kasih terhadap penghormatan yang diberikan pihak industri hartanah negara.

Pada akhir majlis, ahli Rehda meraikan ulang tahun kelahiran Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah dengan menghadiah sebuah kek.

(END)